



Bahan keperluan makanan cukup semasa musim perayaan ini di Limbang

- @news -May 17, 2020

LAWAS: Stok Bahan makanan di Daerah Lawas sempena Hari Raya Aidilfitri dan Gawai Dayak adalah mencukupi.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Awang Tengah bin Ali Hasan berkata jika bahan keperluan asas itu berkurangan pihak pemborong akan membuat pesanan baharu seperti gula, beras dan sebagainya.

"Pada keseluruhannya di Lawas ini, telur ayam purata stok semasa ketika ini adalah sebanyak 242,400 biji, ayam daging purata stok semasa ketika ini adalah 10,350 kg, minyak masak purata stok semasa ketika ini adalah 95.7 metrik tan dan tepung gandum purata stok semasa ketika ini adalah sebanyak 21.4 metrik tan.

"Begitu juga dengan gula purata stok semasa ketika ini adalah sebanyak 31.4 metrik tan, beras purata stok semasa ketika ini adalah sebanyak 118.9 metrik tan dan gas LPG purata stok semasa ketika ini adalah sebanyak 3,091 tong," katanya.

Beliau berkata demikian dalam lawatan ke Premis Pemborong Bekalan Makanan Asas di Lawas pada Sabtu.

Dalam pada itu, Datuk Amar Awang Tengah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan, Menteri Pembangunan Bandar Dan Sumber Asli II Sarawak khuatir apabila bahan-bahan binaan berkurangan kerana dipercayai sektor pembinaan akan rancak selepas perayaan Aidilfitri dan Gawai.

"Simen ini stoknya tidak begitu banyak dan saya telah meminta pemborong membuat pesanan kerana selepas Hari Raya sektor pembinaan akan bergerak dengan cepat.

"Bahan-bahan pembinaan ini tidak mencukupi. Jadi, ia akan menjejaskan proses untuk kita melaksanakan projek-projek itu.

"Untuk itu, adalah penting bahan-bahan binaan itu mencukupi seperti simen, besi, pasir dan bata itu penting," ujarnya.

Untuk memastikan bahan keperluan makanan di pasaran mencukupi dan dijual pada harga yang berpatutan terutamanya menjelang musim perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Gawai Dayak akan datang, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Limbang Sarawak akan sentiasa membuat pemeriksaan dan pemantauan.

KPDNHEP Limbang Sarawak tidak akan berkompromi dengan mana-mana peniaga yang mengambil kesempatan dalam tempoh pelaksanaan PKPB ini dan akan menyiasat semua aduan pengguna yang dikemukakan kepada pihak kementerian

Sebarang aduan boleh disalurkan melalui talian hotline kementerian di 1-800-886-800 atau Portal e-aduan KPDNHEP di <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my> atau di talian Whatsapp 019 2794317 atau hadir sendiri di mana-mana pejabat kementerian yang berhampiran supaya tindakan sewajarnya boleh diambil.

Sepanjang tempoh PKP ini, bilik gerakan Enforcement Command Centre (ECC) KPDNHEP Limbang dan Lawas Sarawak dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang setiap hari dan boleh dihubungi untuk menyalurkan apa-apa aduan seperti PPDNHEP Limbang di talian 085-217414 dan PPDNHEP Lawas 085-283650.





Bahan Keperluan Makanan Sempena Aidilfitri Dan Gawai Di Daerah Lawas Mencukupi

LAWAS: Stok Bahan makanan di Daerah Lawas sempena Hari Raya Aidilfitri dan Gawai Dayak adalah mencukupi.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Awang Tengah bin Ali Hasan berkata jika Bahan keperluan asas itu berkurangan pihak pemborong akan membuat pesanan baharu seperti gula, beras dan sebagainya. ... See More



<https://sarawakvoice.com/2020/05/17/bahan-keperluan-makanan-cukup-semasa-musim-perayaan-ini-di-limbang/>